

16/07/2002

PM ingatkan pengundi jangan silap pilih calon

Kadir Dikoh; Hassan Omar

ALOR STAR, Isnin - Pengundi di Pendang dan Anak Bukit tidak harus menggadai masa depan mereka dengan mengundi calon Pas pada pilihan raya kecil Khamis ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri mengingatkan, kesilapan memilih calon bukan saja akan menyebabkan pengundi berhadapan masalah untuk menikmati pembangunan, malah masa depan yang gelap.

Oleh itu, katanya, pengundi harus bijak membuat pilihan dengan memilih calon BN, Datuk Othman Abdul di Pendang dan Datuk Zakaria Said di Anak Bukit kerana mereka mewakili kerajaan yang sentiasa prihatin terhadap rakyat.

"Kita tidak boleh menggadaikan masa depan kita. Masa depan kita penting. Orang Melayu, perjuangan mereka belum selesai. Banyak lagi yang hendak kita buat untuk menentukan Melayu kemas, kukuh dan berdaya tahan.

"Zaman yang akan datang ini banyak cabaran. Kalau tidak pandai, hidup kita akan dijajah sekali lagi. Sebab itu jangan sama sekali undi parti Pas ini...salah, tak elok.

"Baik di Pendang, baik di Anak Bukit, undilah calon BN," katanya pada majlis penyampaian sumbangan pendidikan dan kebajikan Padi Beras Nasional Bhd (Bernas) di Sekolah Kebangsaan Sungai Baru, Anak Bukit dekat sini, hari ini.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob dan Pengerusi Kumpulan Bernas, Datuk Seri Mohd Noor Abdul Rahim serta Zakaria.

Dr Mahathir menyampaikan Dana Pendidikan Anak Pesawah Bernas kepada 150 anak petani, basikal kepada 150 pelajar sekolah rendah dan menengah serta perlindungan insurans bernilai RM10,000 kepada setiap pelajar terbabit.

Beliau turut menerima borang menyertai Umno daripada 15 bekas ahli Pas cawangan Kuala Sungai Baru daripada wakil mereka, Ismail Ahmad.

Perdana Menteri berkata, Pas yang berhempas pulas memenangi pilihan raya kecil itu meneruskan kegiatan menabur fitnah kononnya Umno menolak hudud, selain memaki hamun pemimpin BN, terutama beliau sendiri yang dikatakan kononnya sebagai pemimpin yang tidak mahu melaksanakan hudud.

"Pas kata saya tidak Islam, saya tidak sembahyang subuh. Dia kata kononnya saya tidak percaya kepada pahala, saya percaya uk..uk..uk.

"Saya minta orang Pas kalau kempen, baik-baiklah. Yang dia pi selak kain buat apa. Itu bukan suruhan agama kita. Agama suruh kita tutup aurat, tetapi yang dia buka aurat tu buat apa," katanya.

Sambil menjelaskan sejarah penubuhan Pas, Dr Mahathir berkata, Pas yang bertanding pilihan raya pertama pada 1955 kecewa apabila hanya memenangi satu kerusi Parlimen Gunung Semanggol di Perak, manakala baki 51 kerusi lagi dimenangi Perikatan.

Berikutan itu, Pas mula memecah-belahkan masyarakat Melayu dengan menuduh Umno sebagai kafir kerana bekerjasama dengan MCA dan MIC.

"Bagaimanapun, tuduhan itu berbalik kepada Pas apabila parti itu bekerjasama dengan DAP, sekali gus membuktikan Pas menggunakan agama untuk kepentingan politik," katanya.